

ABSTRAK

NORWATI BINTI HAJI ABDUL HAMID. Peranan Guru Takmir Masjid Dalam Penyebaran Islam. Satu kajian di Daerah Temerloh.

Kertas Projek, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia, 1990.

Keunggulan Institusi Masjid dalam membina masyarakat dan negara Islam sejak zaman awalnya adalah suatu kemegahan yang tiada tolok bandingnya. Masjid lambang keagungan Islam, pusat ibadat serta membincangkan soal-soal yang berkaitan kehidupan di dunia dan akhirat.

Allah SWT mengarahkan umat Islam supaya mengimarahkan masjid dan surau yang dibina di atas bumi ini. Kedudukan masjid pada waktu ini amat perlu mendapat perhatian dari umat Islam, sekalipun telah terdapat kesedaran dan keinsafan untuk mengimarahkan masjid kembali. Mengimarahkan masjid adalah tanggungjawab

bersama setiap umat Islam yang mengalu beriman dan bertakwa kepada Allah.

Didorong oleh perbincangan inilah, maka penulis telah menilai kembali peranan masjid yang sebenarnya yang dituntut oleh Islam. Ini juga berkaitan dengan Penubuhan Rancangan Pengajian Takmir yang bertujuan untuk mengimarahkan masjid di seluruh negara ini khususnya. Masalah yang menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini ialah:

- 1- Kedudukan Masjid di Daerah Temerloh.
- 2- Kedudukan Masjid Yang Diimarahkan di Daerah Temerloh.
- 3- Peranan Guru Takmir Masjid Dalam Penyebaran Islam.
- 4- Peranan Organisasi Takmir Dalam Penyebaran Islam.
- 5- Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Takmir.

Method yang dipakai dalam pengajian ini ialah Method Historis, Method Interview, Method Dokumentasi.

Method Observasi dan method kaji selidik. Hasil Kajian ini menunjukkan bahawa :

- 1- Masyarakat Islam masih jahil dalam memahami peranan masjid secara lebih luas.
- 2- Terdapat sebahagian besar masjid di Daerah Temerloh masih belum diimarahkan.
- 3- Kebanyakan masjid hanya dikunjungi untuk sembahyang berjemaah sahaja tetapi tidak dimanfaatkan dengan program-program lain.
- 4- Terdapat masyarakat Islam hanya mengunjungi masjid pada hari tertentu sahaja.